



# Buletin PPANS

"MERAKYATKAN PERPUSTAKAAN"

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

BIL : 1 / 2018



## Tahniah Dan Syabas !

Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Tuan Haji Aminuddin bin Harun, Ahli Dewan Undangan Sikamat di atas pelantikan sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan kelapan.

YAB Menteri Besar telah mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan yang kelapan di hadapan DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Ahmarhum Tuanku Munawir di Istana Seri Menanti, Kuala Pilah pada 12 Mei 2018.

YAB Menteri Besar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sikamat sejak dari tahun 2008 menyatakan hasrat beliau untuk memikul amanah yang diberi oleh Allah s.w.t. untuk memimpin dan menguruskan Kerajaan Negeri Sembilan dengan tema Bersih, Muafakat, Sejahtera.

Kami, Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah, Pengarah serta seluruh Warga Kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB Tuan Haji Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan semoga akan menerajui Negeri Sembilan dengan cemerlang.

YB Dr. Razali bin Ab Malik  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
Merangkap Pengerusi  
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan



YAB Tuan Haji Aminuddin Harun



*Mengenali Barisan Kepimpinan*  
**KERAJAAN NEGERI SEMBILAN YANG BAHARU**



**YAB TUAN HAJI AMINUDDIN BIN HARUN**  
 Menteri Besar Negeri Sembilan

Pengerusi Jawatankuasa  
 Kewangan, Tanah & Sumber Alam, Agama Islam, Pelancongan, Keselamatan,  
 Infrastruktur & Kemudahan Awam

**YB TUAN TEO KOK SEONG**  
 Pengerusi Jawatankuasa  
 Kesejahteraan Bandar, Perumahan Kerajaan Tempatan  
 & Kampung Baru

**YB DR. MOHAMAD RAFIE AB MALEK**  
 Pengerusi Jawatankuasa  
 Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan &  
 Modal Insan

**YB TUAN MOHAMAD TAUFEEK ABD GHANI**  
 Pengerusi Jawatankuasa  
 Pembangunan Belia & Sukan

**YB TUAN ISMAIL AHMAD**  
 Pengerusi Jawatankuasa  
 Pembangunan Luar Bandar

**YB TUAN J. ARUL KUMAR**  
 Sumber Manusia, Perladangan & Hal Ehwal Bukan Islam

**YB TUAN BAKRI SAWIR**  
 Pengerusi Jawatankuasa  
 Pertanian & Industri Asas Tani

**YB TUAN MOHAMAD NAZARUDDIN SABTU**  
 Pengerusi Jawatankuasa  
 Kesenian, Kebudayaan & Adat Istiadat Melayu

**YB TUAN S. VEERAPAN**  
 Pengerusi Jawatankuasa  
 Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi & Kepenggunaan

**YB PUAN NICOLE TAN LEE KOON**  
 Pengerusi Jawatankuasa  
 Hal Ehwal Wanita & Kebajikan

**YB TUAN CHOO KEN HWA**  
 Pengerusi Jawatankuasa  
 Perpaduan, Penerangan & Integrasi Nasional



# **MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN**

**YAB TUAN HAJI AMINUDDIN BIN HARUN**

## **MAJLIS PELANTIKAN MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



## **MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN MEMULAKAN TUGAS DI PEJABAT MENTERI BESAR**



## **PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 2018**





PPANS PRIHATIN



Pada 11 Jun 2018 telah diadakan Majlis Nurkasih @ Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan sempena Ramadhan dan Aidilfitri 2018. Majlis tersebut diadakan di Masjid Dato' Klana Petra Lela Mohd. Yusof, Sikamat. Yang Amat Berbahagia Isteri Menteri Besar Negeri Sembilan berbesar hati sudi menyampaikan sumbangan kepada 30 orang asnaf berupa sumbangan duit raya dan barang-barang keperluan harian. Hadir sama ialah Pengarah PPANS, Puan Jamilah binti Haji Katis.



Satu lagi Majlis Nurkasih @ Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan sempena Ramadhan dan Aidilfitri 2018 telah diadakan di Laman Gentam, Kuala Pilah. YB Tuan Nazaruddin Sabtu, Exco Kerajaan Negeri Sembilan merangkap ADUN Pilah telah sudi menyampaikan bantuan sumbangan duit raya serta barang-barang keperluan harian kepada 35 orang asnaf di sekitar daerah Kuala Pilah. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pengarah PPANS, Puan Jamilah binti Haji Katis.



**PERHIMPUNAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**



Tahniah kepada sembilan jabatan yang telah diberi pengiktirafan 5 bintang bagi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) Tahun 2016. PPANS merupakan salah satu daripada 13 jabatan yang telah dinilai yang mendapat pengiktirafan 5 bintang pada tahun tersebut.

**KURSUS KESELAMATAN KEBAKARAN**



Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan PPANS, PNM serta kakitangan Pejabat UMNO telah menghadiri Kursus Keselamatan Kebakaran (Emergency Respond Team – ERT). Kursus yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan diadakan selama 3 hari iaitu pada 23 – 25 April 2018. Kursus tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta bagaimana untuk mengendali situasi semasa kebakaran terutamanya yang melibatkan pengunjung perpustakaan.

Tahniah kepada PPANS kerana telah diberi penarafan 4 bintang bagi Inspektorat Keselamatan agensi kerajaan Negeri Sembilan.

**PENGANUGERAHAN PINGAT**



Tahniah diucapkan kepada YBhg. Puan Jamilah binti Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan di atas pengurniaan Darjah Pekerti Terpilih (DPT) serta Puan Hajah Mariam binti Raja Ismail, Pembantu Pustakawan PPANS di atas penganugerahan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, DYMM Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-70 pada 18 Januari 2018.

**MESYUARAT AGUNG PUSPANITA PPANS BIL.1/2018**



Mesyuarat Agung Puspanita PPANS Bil. 1/2018 telah diadakan pada 29 Januari 2018 dan telah dirasmikan oleh YBhg. Pengarah PPANS, Puan Jamilah binti Haji Katis untuk melantik ahli jawatankuasa bagi penggal 2018/2019 serta membincangkan aktiviti yang akan dirancang bagi memperkasakan kakitangan wanita PPANS dan PNM.



**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN BUKU OLEH SYARIKAT KAYAKU SAFETY SYSTEMS (M) SDN. BHD.**



Pada 30 Januari 2018 bertempat di Bilik Aktiviti Perpustakaan Bestari SAMSUNG telah diadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Buku oleh Syarikat Kayaku Safety Systems (M) Sdn. Bhd. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Tuan Yoichiro Wada, Pengarah Urusan Kayaku Safety Systems (M) Sdn. Bhd. manakala pihak PPANS pula diwakili oleh YB Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, Ahli Lembaga Pengarah PPANS serta Puan Jamilah binti Haji Katis, Pengarah PPANS. Majlis ini diadakan bagi menyempurnakan hasrat Syarikat Kayaku Safety Systems yang beroperasi di Sendayan untuk menyumbang sejumlah buku "Nippon Kayaku 100 Tahun" versi Bahasa Melayu kepada pihak perpustakaan.

**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN BUKU OLEH SYARIKAT SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**



Majlis yang berlangsung pada 30 Januari 2018 ini bertempat di Bilik Aktiviti Perpustakaan Bestari SAMSUNG PPANS. Syarikat SWM Environment yang beroperasi sebagai syarikat pembersihan berbesar hati untuk menyumbang sejumlah koleksi Novel "Wasiat" kepada pihak perpustakaan sebagai salah satu program tanggungjawab sosial. Majlis disempurnakan oleh Pengarah Syarikat SWM Environment, Dr. Haji Uzir bin Malik dan turut dihadiri oleh Pengarah PPANS, Puan Jamilah binti Haji Katis serta timbalannya, Encik Hamdan bin Haji Nordin

**BENGGEL PENYELARASAN STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN**



Bengkel Penyelarasan Strategi Pembangunan Negeri Sembilan telah diadakan pada 2 Februari 2018 bertempat di Klana Resort, Seremban dan dihadiri oleh Pengarah PPANS, Puan Jamilah binti Haji Katis serta ketua-ketua jabatan di seluruh Negeri Sembilan.

**PERHIMPUNAN WARGA KERJA PPANS**

Perhimpunan Warga Kerja PPANS telah diadakan pada 12 Februari 2018 yang mengumpulkan kakitangan PPANS dan PNM dari seluruh Negeri Sembilan.





## KURSUS PENGAUDITAN EKSA PPANS



Kursus Pengauditan EKSA telah diadakan pada 13 dan 14 Februari 2018. Kursus tersebut yang dihadiri oleh Pegawai-pegawai Pengurusan PPANS serta Pembantu Pustakawan PPANS adalah untuk memberi pendedahan dan garis panduan mengenai Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) untuk dilaksanakan di PPANS nanti. Kursus tersebut telah disampaikan oleh Puan Nur Rashidah binti Ab. Manan, Penolong Setiausaha Kerajaan, Unit Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

## PROGRAM JELAJAH ILMU D'JOSEH

Program Jelajah Ilmu D'Joseh telah diadakan pada 8 Mac 2018 bertempat di Perpustakaan Desa Taman Putra, Juasseh.



## KURSUS HANDS ON PNM DIGITAL

Kursus Hands On PNM Digital telah diadakan pada 13 Mac 2018 bertempat di Bilik Aktiviti Perpustakaan Bestari SAMSUNG PPANS yang disertai oleh seramai 30 orang kakitangan PPANS dan PNM.




## BUKU TERKINI DI PPANS




Judul : Mengapakah burung nuri bercakap?  
 No Panggilan : J 039.9923 DEL  
 Bahagian : Pinjaman  
 Harga : RM 15.00  
 Penerbit : Institut Terjemahan dan Buku Malaysia  
 M/s : 32 ms



Judul : Azazil berputus asa  
 No Panggilan : 899.2333 HAD  
 Bahagian : Pinjaman  
 Harga : RM 29.90  
 Penerbit : IQES Tjjarah Trading  
 M/S : 367 ms



Judul : Anatomi : Aku budak medik 1.0  
 No. Panggilan : MF ANA  
 Bahagian : Pinjaman  
 Harga : RM 29.00  
 Penerbitan : KataPilar Books  
 M/S : 185 ms



Judul : Pahlawan tegar merdeka  
 No. Panggilan : R 355.00922 RAM  
 Bahagian : Rujukan  
 Harga : RM 90.00  
 Penerbitan : Dewan Bahasa dan Pustaka  
 M/S : 638 ms



Judul : Berlari Ke Syurga:  
 Tour De Jannah  
 No. Panggilan : 297.57 AHM  
 Bahagian : Pinjaman  
 Harga : RM 20.00  
 Penerbitan : Galeri Ilmu  
 M/S : 104 ms

## ULASAN BUKU

Sinopsis :

Berlari Ke Syurga merupakan himpunan kata-kata dan kisah-kisah sirah dari Facebook Ustaz Ahmad Dusuki Abd Rani.

"Ketika kamu memberi, kamu akan beroleh kebahagiaan yang lebih banyak daripada kamu mengambil. Ketahuilah bahawa pemberian itu bermacam-macam:

"Memaafkan kesalahan orang di saat kita mampu membalas dendam, adalah suatu pemberian.

"Mendoakan teman dan saudaramu di belakangnya (tanpa pengetahuannya) adalah suatu pemberian.

"Berusaha untuk berbaik sangka dan menghilangkan sangka buruk daripadanya juga suatu pemberian.

"Menahan diri daripada membicarakan aib saudaramu di belakangnya, adalah satu pemberian lagi."

Ini semua adalah pemberian daripada Allah, supaya kesempatan memberi tidak hanya dibuat oleh orang berada sahaja. Jadikanlah semua ini pelajaran, wahai sahabatku!

## GLOSARI ADAT NEGERI SEMBILAN

### Jaskara

Gelaran adat yang membawa panggilan *Tuk*.

1. Besar suku Paya Kumbuh (Pekumbuh) Darat perut Kampung Sungai Layang, luak Rembau.
2. Buapak suku Tanah Datar Kepis, luak Johol.
3. Penolong Buapak suku Tanah Datar (asal) carak Sungai Dua, luak Ulu Muar



Majlis Iftar Kelab Sukan dan Kebajikan PPANS di Dewan Arena CMC, Sikamat.



Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Tuan Haji Aminuddin bin Harun telah diadakan pada 24 Jun 2018 bertempat di Dewan Orang Ramai Sikamat.



Lawatan Kerja oleh YB Dr. Mohamad Rafie bin Ab Malek ke PPANS telah diadakan pada 26 Julai 2018 yang turut disertai oleh wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri, Negeri Sembilan.



Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri PPANS telah diadakan di Perpustakaan Negeri, Seremban pada 9 Julai 2018. PPANS amat berbesar hati menerima kunjungan dari YABhg. Puan Wan Hasni binti Wan Yusof, Isteri Menteri Besar Negeri Sembilan; YB Dr. Razali bin Ab Malik, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan; YB Tuan Mohammad Nazaruddin bin Sabtu, Exco Kerajaan Negeri Sembilan ketua-ketua jabatan serta tetamu-tetamu lain yang sudi hadir ke majlis tersebut..







# WAGHIIH MEMBACA







# PROGRAM JOM BACA

## PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT SEHARI DAN KEM MEMBACA 1 MALAYSIA

Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit Sehari yang diadakan serentak di seluruh negara pada 24 April 2018 pada jam 11.00 pagi di Mydin Mall Seremban 2.

Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit sempena Sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia pada tahun 2018 ini merupakan anjuran kali ke 5 oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM).

Bagi menjadikan program tersebut lebih berkesan dan berimpak tinggi, pihak PPANS telah menganjurkan majlis secara serentak dengan program Kem Membaca 1 Malaysia (KM1M) bersama pihak Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sembilan (BTPNS) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

Program ini diadakan di seluruh Negeri Sembilan dan merupakan langkah pertama dalam membentuk masyarakat ke arah minat membaca walaupun dalam tempoh 10 minit sehari.





# PROGRAM JOM BACA

SOKONGAN AGENSI KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT SEHARI.



JABATAN ALAM SEKITAR  
NEGERI SEMBILAN



JABATAN BELIA & SUKAN  
NEGERI SEMBILAN



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
NEGERI SEMBILAN



JABATAN PENDIDIKAN  
NEGERI SEMBILAN



PEJABAT PEMBANGUNAN WANITA  
NEGERI SEMBILAN



PEJABAT PENGARAH PENJARA  
NEGERI SEMBILAN



JABATAN PERHUTANAN  
NEGERI SEMBILAN



JABATAN PERTANIAN  
NEGERI SEMBILAN



PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN



PEJABAT PENGARAH TANAH &  
GALIAN NEGERI SEMBILAN



SURUHANJAYA PENCEGAHAN  
RASUAH MALAYSIA NEGERI SEMBILAN



UNIT KERAJAAN TEMPATAN





# PESTA BUKU NEGERI SEMBILAN 2018

## HARI PERTAMA – 10 MEI 2018



## HARI KEDUA – 11 MEI 2018





# PESTA BUKU NEGERI SEMBILAN 2018

## HARI KETIGA - 12 MEI 2018



## HARI KEEMPAT - 13 MEI 2018





## **PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT**

**15 Mei 2018 –**

YAB Menteri Besar Negeri Sembilan menghadiri Majlis Cerapan Rasmi Hilal Ramadhan 1439H/2018M di Balai Cerap Kompleks Baitul Hilal, Port Dickson.



**16 Mei 2018–**

Program Santai Ngeteh Bersama YAB Menteri Besar Negeri Sembilan di Parkir Bazaar MARA Chembong



**16 Mei 2018–**

Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Orang Ramai Sendayan.



**19 Mei 2018 –**

Alhamdulillah. Sempat meluangkan masa bagi melawat tapak bazar Ramadhan di Dataran Senawang






## **PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT**

**20 Mei 2018 –**

Melawat lokasi kebakaran yang melibatkan asrama pelajar lelaki di Sekolah Tinggi Islam As Sofa, Rembau




**21 Mei 2018 –**

Melawat Pusat Komuniti Taman Ixora. Hadir bersama, Puan Salasiah Hashim, Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional.



**27 Mei 2018–**

Lawatan kerja ke Kampung Baru Sikamat bagi meninjau kejadian banjir di kawasan berkenaan.



**27 Mei 2018-**

Melawat Tebing Runtuh di Taman Anggerik, Rantau, kesan daripada hujan lebat.

